



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

16 OGOS 2019

## **DuitNow Merencanakan Undian ABPBH 32 Dengan Pelbagai Ganjaran Hebat**

Tahun ini, Anugerah Bintang Popular BH ke-32 (ABPBH 32) kembali merencanakan hiburan tanah air dengan bertemakan “Melangkaui Sempadan”. Tema ini dipilih bagi mengiktiraf kejayaan serta mengangkat bakat dan kebolehan bintang tempatan bukan sahaja di Malaysia malah merentasi benua.

Sejajar dengan slogan akhbar BH “Wadah Pembaharuan”, DuitNow selaku penaja bersama ABPBH 32 membawakan cara baharu untuk anda mengundi bintang kesayangan anda. Semuanya hanya menggunakan nombor telefon yang ditetapkan untuk bintang anda – atau dikenali sebagai DuitNow ID. Undi artis kegemaran anda dengan melanggan BH Digital harian melalui DuitNow di Perbankan Internet dan mata undian anda akan digandakan sebanyak enam kali daripada undian biasa. Pakej langganan BH Digital harian bernilai 50sen sahaja.

### **Cara Mengundi Menggunakan DuitNow**

LANGKAH 1: Dapatkan nombor telefon (DuitNow ID) bintang pilihan anda di laman web rasmi [abpbh.com.my](http://abpbh.com.my)

LANGKAH 2: Log masuk ke Perbankan Internet anda dan pilih DuitNow di menu “Funds Transfer”

LANGKAH 3: Masukkan,

- Nombor telefon (DuitNow ID) bintang pilihan anda. Contoh: 0123456789
- Amaun pakej langganan BH Digital harian yang tepat iaitu RM0.50
- Nombor telefon bimbit anda di ruangan “Recipient Reference”. Contoh: 0123456789

LANGKAH 4: Aktifkan langganan BH Digital anda di [abpbh.com.my](http://abpbh.com.my), di menu “Pengaktifan”

Undian anda akan terus dikira setelah anda selesai mengundi artis kegemaran anda dengan langganan BH Digital harian melalui DuitNow. Caranya mudah dan selamat.

### **Peluang Bertemu Bintang Kegemaran Anda Dengan DuitNow**

Anugerah berprestij tahunan ini diadakan bukan sahaja untuk mengiktiraf para bintang tanah air malah juga peminat-peminat mereka. Sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada semua peminat dan pembaca setia BH, DuitNow menawarkan tiga ganjaran menarik bagi mereka yang melangani BH Digital dan mengundi dengan DuitNow. Anda kini berpeluang bertemu bintang-bintang kesayangan anda secara langsung!

***Ganjaran Pertama: 100 Tiket Eksklusif ABPBH 32 Untuk Dimenangi***

50 pemenang bertuah bakal menyertai malam kemuncak ABPBH 32 yang akan diadakan pada 22 September 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). 2 pemenang harian akan dipilih oleh pihak ABPBH. Keputusan pemenang akan diumumkan di laman sosial rasmi ABPBH setiap minggu. Lakukan undian anda dengan DuitNow dan menangi 2 tiket eksklusif ke ABPBH 32 tahun ini. Pastikan anda lengkapkan no. telefon bimbit anda ketika membuat transaksi DuitNow untuk dipilih sebagai pemenang.

***Ganjaran Kedua: Menjamu Selera Dengan Pemenang Penyanyi Lelaki & Wanita Popular DuitNow***

Selain daripada itu, anda juga berpeluang menikmati sesi menjamu selera dan beramah mesra bersama pemenang kategori anugerah DuitNow iaitu Penyanyi Lelaki Popular DuitNow dan Penyanyi Wanita Popular DuitNow. Teruskan mengundi bintang pilihan anda dengan DuitNow dan anda mungkin menjadi pemenang bertuah.

***Ganjaran Ketiga: Percutian ke Korea***

ABPBH buat pertama kalinya mencalonkan kategori artis antarabangsa iaitu Artis Korea Popular dalam senarai kategori utama mereka. Bagi menyokong usaha ini, DuitNow memberi peluang khusus buat peminat K-pop untuk bercuti ke Korea. Lakukan apa-apa transaksi melalui DuitNow sehingga 15 September 2019 untuk meluaskan peluang anda.

Jadi, rancakkan undian anda dengan DuitNow sekarang. Undian akhir ABPBH 32 (Top 5) bermula dari 20 Ogos sehingga 15 September.

Untuk keterangan lanjut, sila layari [abpbh.com.my](http://abpbh.com.my).

## **Siri Jelajah ABPBH 32 di Kedah**

Selain daripada itu, anda berpeluang untuk berjumpa dengan bintang-bintang kesayangan anda di Siri Jelajah ABPBH 32 yang akan diadakan di Aman Central, Alor Setar, Kedah pada 24 Ogos nanti. Anda juga boleh singgah ke booth DuitNow untuk mempelajari lebih lanjut mengenainya dan menang pelbagai hadiah menarik yang menanti anda. Pastikan anda telah berdaftar dengan Perbankan Internet pilihan anda untuk menangi hadiah hebat.

### **Apakah Itu DuitNow?**

DuitNow adalah sebuah perkhidmatan perbankan baharu yang diperkenalkan oleh PayNet. Ia memudahkan anda untuk menghantar dan menerima wang melalui Perbankan Internet pada bila-bila masa, dimana jua anda berada – hanya menggunakan nombor telefon atau nombor kad pengenalan yang didaftarkan dengan bank pilihan anda.

Cara penggunaan DuitNow adalah sama seperti Perbankan Internet biasa. Cuma bezanya anda perlu hantar wang ke nombor telefon sahaja, tanpa nombor akaun diperlukan. Ia diyakini selamat. Pemindahan wang bernilai bawah RM5,000 adalah percuma.

Layari [duitnow.my](http://duitnow.my) atau hubungi bank anda untuk keterangan lebih lanjut.

### **Mengenai Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet)**

Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) ialah rangkaian pembayaran infrastruktur berpusat bagi pasaran kewangan yang terulung di Malaysia. Kami mempelopori inovasi serta membina dan mengendalikan sistem pembayaran dan infrastruktur pasaran kewangan bertaraf dunia yang membolehkan pelaksanaan dan pembangunan sistem kewangan dan juga ekonomi keseluruhan Malaysia secara selamat, cekap dan boleh dipercayai. Bank Negara Malaysia (BNM) ialah pemegang saham terbesar PayNet, dengan 11 institusi kewangan utama di Malaysia sebagai pemegang saham bersama. PayNet juga berfungsi sebagai platform untuk memanfaatkan kerjasama dalam sistem perbankan Malaysia bagi mempercepatkan penggunaan pembayaran elektronik.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.paynet.my](http://www.paynet.my), atau hubungi:

Cik Amy Pang  
E-mel: [amy@paynet.my](mailto:amy@paynet.my)  
Telefon: +603 2264 8689

**SUMBER: Payments Network Malaysia (PayNet)**